

BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 28 APRIL 2022 (KHAMIS)



MIMOS sasar 1,000 calon jalani latihan dan pensijilan Huawei



28/04/2022 03:14 PM

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) — MIMOS Berhad, agensi penyelidikan dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), menyasarkan penyertaan 1,000 calon bagi menjalani latihan dan pensijilan 'Huawei Certified IT Associate'.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata latihan dan pensijilan profesional itu, terangkum di bawah Program Transformasi Digital yang akan dilancarkan MIMOS pada Jun depan, bagi memilih bakat-bakat dalam kalangan syarikat-syarikat tempatan berasaskan ICT.

“Latihan dan persijilan ini memfokuskan kepada lima bidang utama iaitu 5G, Internet untuk Segalanya (IoT), ‘Big Data’, Kecerdasan Buatan (AI) dan ‘Radio Access Network’,” katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Huawei Malaysia dan MIMOS Berhad di sini hari ini.

Beliau berkata MoU antara MIMOS dan Huawei itu, membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama membentuk program kemahiran teknologi yang dapat menambah baik kepakaran digital dalam kalangan tenaga kerja tempatan.

Dr Adham berkata dengan keupayaan, kepakaran dan kerjasama antara MIMOS dan Huawei Malaysia akan meningkatkan kemahiran dan daya saing yang mampan dalam kalangan rakyat Malaysia.

“MOSTI akan terus memberi penekanan kepada kemahiran kumpulan bakat sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara, melalui sokongan dan kerjasama dengan pelabur dan rakan perniagaan berpotensi,” katanya.

Beliau berkata usaha itu sejajar dengan Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia, yang dimandatkan kepada MOSTI untuk mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan dalam bidang ‘Deeptech and Futureskills’.

Program latihan ‘Upskilling for Deeptech and Futureskills’ merupakan inisiatif MOSTI untuk membantu industri mendapatkan pekerja berkredibiliti dan mempunyai kemahiran yang kompeten selain membangunkan kapasiti pekerja melalui pendedahan kepada keperluan sebenar industri.

Antara lain, Dr Adham berkata program itu bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia terutamanya mereka yang hilang sumber pendapatan, untuk kembali menjana pendapatan stabil serta berpeluang meningkatkan kemahiran diri.

Pada masa yang sama, Huawei turut mengumumkan bahawa syarikat teknologi itu akan terus memilih Malaysia sebagai lokasi Ibu Pejabat Asia Pasifik Huawei, berpangkalan di Tun Razak Exchange (TRX).

Dr Adham berkata Huawei yang sudah bertapak di Malaysia selama 20 tahun, membuktikan negara ini merupakan satu destinasi kondusif kerana berjaya menarik pelaburan syarikat-syarikat ICT gergasi. - BERNAMA